

KITAB AL INSAN MUSAYYAR AM MUKHAYYAR. Oleh Dr. Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī. 1997. Beirut: Dar al-Fikr Damsyik. Bab 1: Manusia dipaksa atau diberi kebebasan. Halaman 27-35. ISBN: 1-57547-408-5

Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī (1929-2013) merupakan seorang tokoh ilmuan Islam yang tidak asing dalam keilmuan Islam di persada dunia. Al- Butī lahir pada tahun 1929M di sebuah perkampungan kecil di Turki yang bernama Jilika. Ia dibesarkan dalam suasana ibu ayahnya yang sangat menitik beratkan pendidikan agama kepada anak-anaknya. Hasil didikan yang baik dan realiti umat Islam pada ketika itu telah banyak membentuk al- Butī sebagai orang yang faqih dalam keilmuannya. Susuk tubuh ini banyak menghasilkan pelbagai karya terutamanya dalam akidah, pemikiran, dakwah, sirah, fiqah, usul fiqh dan sebagainya. Penulisan beliau sangat bernilai dan telah dimanfaatkan oleh lapisan masyarakat sama ada dalam kalangan muslim mahupun bukan muslim. Tidak disangkal lagi, kewibawaan dan sumbangan beliau dalam bidang ilmu telah banyak membantu memberi pedoman untuk umat Islam bagi menghadapi cabaran pemikiran pada hari ini.

Ini boleh dibuktikan oleh laporan yang dikeluarkan oleh *The Royal Islamic Strategic Studies Centre* (2009: 64; 2010: 60), kewibawaan dan pengaruh al-Buti tidak dapat disangkal lagi terhadap dunia Islam kerana ketokohnya terus melonjak dari tangga ke-23 pada tahun 2009 kepada tangga ke-17 pada tahun 2010. Laporan tersebut turut menyatakan bahawa al-Būṭī merupakan tokoh ulama akidah kontemporari yang berjaya memimpin umat Islam di Syria khususnya serta mempunyai peranan dan pengaruh yang kuat terhadap masyarakat Islam di seluruh dunia umumnya. Seorang pengkaji barat telah menyarankan agar pemikiran al- Būṭī diketengahkan kepada masyarakat sebagai menjawab permasalahan yang timbul pada hari ini termasuklah persoalan berkaitan akidah. Ini kerana al- Būṭī dilihat sebagai mewakili pendapat majoriti umat Islam dalam menyebarkan dan mempertahankan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah (Andeas Christmann, 1998). Saranan ini menunjukkan bahawa pemikiran dan metodologi yang digunakan oleh al- Buti diterima juga di kalangan bukan Islam.

Kitab *al-Insān Musayyar am Mukhayyar* (Manusia Dipaksa atau Diberi Kebebasan) karya al-Būṭī adalah satu kitab secara khusus ditulis untuk menjawab kekeliruan yang dihadapi oleh umat Islam dalam akidah dan pemikiran. Kitab ini menitikberatkan nas-nas daripada al-Quran dan hadis serta kekuatan hujah akal bagi mematahkan dakwaan yang sesat. Keunikan pemikiran karya al-Būṭī yang bersifat *wasatīy* (seimbang), syumul dan mempunyai kaedah ilmiah merupakan sebuah bentuk pemikiran Islam yang kukuh dalam memberikan kefahaman yang benar kepada umat Islam. Objektif penulisan buku ini diharapkan dapat menghilangkan kekeliruan yang dihadapi umat Islam dalam memahami persoalan takdir.

Secara keseluruhan buku ini membantu umat Islam memahami perspektif akidah dalam bahagian *af‘al ibad* dengan metodologi yang menggabungkan sumber wahyu dan logik akal. Sayangnya, buku ini masih belum diterjemahkan di dalam bahasa melayu. Ia menjadi satu dorongan buat para sarjana untuk meneliti karya-karya al-Būṭī dengan lebih mendalam bagi merencanakan perbincangan ilmiah dengan metodologi yang dibawa oleh beliau.

Menurut al-Būṭī, ulama Ahli Sunnah wal Jamaah bersepakat bahawa manusia tidak mampu menciptakan perbuatan dan pekerjaan secara sendiri. Namun, mereka mempunyai kebebasan untuk membuat pilihan terhadap pekerjaan tersebut. Al-Būṭī menjelaskan dua perbuatan yang perlu difahami iaitu:

i. Perbuatan dan pergerakan yang terjadi bukan dengan kehendak atau niat manusia, seperti manguap, kelahiran, kematian, sakit, jatuh tanpa sengaja, gementar dan lain-lain.

ii. Perbuatan dan pekerjaan yang terjadi dengan diiringi kehendak dan keinginan manusia seperti solat, makan, minum, keluar bekerja dan apa-apa perancangan kemudian membuat pilihan apa yang hendak dilakukan.

Justeru, manusia mempunyai kehendak dalam menentukan pilihan mereka masing-masing pada kategori definisi yang kedua. Adapun perbuatan di luar kehendak manusia pula merupakan perkara yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Perbuatan yang dilakukan bukan atas kehendak manusia ini menunjukkan Allah SWT berkuasa kepada setiap hamba dan penciptaan-Nya. Ia melibatkan seluruh fungsi badan manusia, kerlipan mata, perasaan-perasaan yang ada merupakan perbuatan manusia yang tidak memerlukan kepada kehendak mereka. Ia memperlihatkan “sudut keterpaksaan” yang perlu wujud untuk membuktikan bahawa manusia adalah makhluk dan terikat dengan undang-undang ciptaan Allah SWT.

Adapun kehidupan manusia yang terikat dengan kehendak berkait dengan perbuatan dan pekerjaan yang dilakukan boleh dilihat seorang peniaga yang ingin mengembangkan perniagaan akan melakukan hubungan bersama dengan peniaga-peniaga lain mengikut perancangan yang telah dilakukan. Ini adalah antara contoh yang dibawa oleh al-Būṭī menunjukkan bahawa manusia mempunyai kemampuan untuk berkehendak dan memilih perbuatan mereka.

Al-Būṭī juga menjelaskan manusia diberi kebebasan memilih kerana mereka boleh membezakan dua jenis perbuatan tadi. Perbezaan antara perbuatan responsif seperti bersin dan menggeletar dengan orang yang rasa lapar lalu dia bertindak untuk mendapatkan makanan. Ibaratnya bagi perbuatan yang pertama, orang yang bersin tidak berniat dan berkehendak kerana ia datang dengan kehendak Allah SWT. Manakala yang kedua, orang yang lapar dan mencari makanan bermaksud dia terdorong kerana kehendak yang lahir dalam dirinya. Dakwaan yang mengatakan manusia tidak bebas memilih berpunca daripada tidak membezakan dua kategori ini dan melihat dalam kerangka yang tidak menyeluruh.

Pendirian al-Būṭī dalam memberi penakrifan ini selari dengan ulama Ahli Sunnah wal Jamaah. Mereka bersepakat dalam membezakan antara perbuatan bersin, gementar dengan berjalan, menulis dan sebagainya.

ADAKAH FAKTOR PENDIDIKAN DAN SOSIAL MEMBERI KESAN KEPADA KEBEBASAN MANUSIA DALAM MEMILIH?

Dalam kalangan manusia ada yang keliru dalam memahami kehendak lalu berkata:

“Sesungguhnya kehendak merupakan sumber untuk seseorang membuat pilihan di dalam kehidupan. Manusia secara hakikatnya mempunyai kehendak untuk melakukan sesuatu, tetapi kerana mereka terikat dengan faktor-faktor luaran yang mendorong mereka sehingga menjadikan mereka tidak bebas membuat keputusan dalam kehidupan. Mereka mendakwa (contohnya) pendidikan, tekanan hidup dalam masyarakat, perasaan-perasaan dan kehendak nafsu semua itu menghilangkan kehendak dan kebebasan membuat pilihan dan keputusan.”

Di dalam menjawab permasalahan ini, al-Būṭī menegaskan setiap pilihan yang dibuat mesti kerana dorongan kehendak dan niat yang ada dalam diri. Jika mereka mendakwa bahawa kehendak dan kemahuan tidak ada erti kerana terikat dengan pengaruh dan faktor luaran, maka dakwaan ini adalah salah.

Al-Būṭī menjelaskan kehendak manusia tidak wujud dengan ruang kosong sehingga diabaikan keperluan dan dorongan dirinya. Jika dibiarkan, manusia itu akan hilang tujuan dan merasakan kehidupan itu sia-sia kerana tidak memiliki kebebasan dalam membuat pilihan dan hidup dalam keterpaksaan. Hakikatnya, kehendak manusia tidak pergi mendapatkan makanan melainkan apabila dia berasa lapar. Kehendak manusia juga tidak mencari air minuman melainkan jika dia dahaga. Begitu juga orang yang melakukan ibadah tidak akan terdorong melakukan maksiat, melainkan terkesan di dalam hati kerana takut dengan azab dan galakan untuk mendapat pahala. Justeru, keinginan manusia tidak muncul kecuali dengan dorongan dan tujuan tertentu yang akan melahirkan tindakan.

Tidak dinafikan, faktor pendidikan dan sosial mempunyai peranan penting yang menjadi benteng diri seseorang dalam membuat pilihan di dalam hidup. Namun begitu, tidak boleh sesekali meniadakan kehendak manusia dan hanya melihat faktor luaran sepenuhnya menguasai pilihan dan kehidupan mereka. Ini kerana jika manusia tidak bebas melakukan sesuatu, kesannya perbuatan manusia akan berlaku secara rawak dan tidak terpandu. Bahkan hakikatnya secara logik telah menunjukkan manusia yang memilih untuk berada dalam tekanan walhal mereka mempunyai pilihan lain telah menunjukkan mereka mempunyai kehendak.

Mereka juga mendakwa anak-anak yang membesar di dalam keluarga yang tidak mengamalkan Islam sepenuhnya atau keluarga yang bukan Islam akan menghasilkan peribadi yang sama seperti didikan mereka. Ini kerana mereka terikat dengan faktor persekitaran yang menafikan untuk mereka membuat pilihan. Dakwaan ini juga keliru, kerana tidak semestinya ibu bapa yang bukan Islam selama-lamanya anaknya juga turut tidak mengenal Allah SWT. Al-Būṭī menjelaskan suasana yang dihadapi manusia tidak menghilangkan kehendak mereka, bahkan sebenarnya manusia sedang berinteraksi untuk membentuk keyakinan melalui pemerhatian dan suasana. Akhirnya, melalui daya fikiran dan kehendak dalaman mereka memilih dan bertindak.

Al-Būṭī mengemukakan beberapa contoh dalam menjelaskan pandangan ini. Antaranya adalah seorang anak yang hidup bersama ibu bapa akan memilih hala tuju sendiri selepas mencapai tahap kematangan dan mampu membuat keputusan dalam hidup. Boleh jadi si anak tidak memilih pekerjaan yang diwarisi keluarga sejak turun temurun kerana kecenderungan kepada pekerjaan lain. Selain itu, perumpamaan keluarga yang dibangun dengan kemewahan, lalu hidup dengan kelalaian. Akhirnya di dalam keluarga ini terdapat ahli keluarga yang memilih untuk menjadi orang yang beriltizam dengan perintah dan syariat Allah SWT serta hidup bersederhana. Justeru, contoh-contoh yang diberikan menjelaskan bahawa faktor luaran tidak menghilangkan kehendak seseorang. Tetapi hakikatnya hanya berperanan sebagai pemangkin dan pembangun kecenderungan sahaja.

Lumrahnya, manusia akan berhadapan dengan pelbagai keadaan, pilihan dan tekanan sepanjang hidup. Boleh jadi keadaan keluarga dan suasana masyarakat menekan dan mengganggu kehidupan mereka dalam membuat keputusan. Tetapi ia hanya faktor luaran, bukan kehendak yang dipaksa. Jika tiada cabaran dari faktor luaran sekali pun, seseorang itu masih berhadapan dengan faktor dalaman yang membawa kepada konflik dan pertembungan

di dalam diri. Justeru, Allah SWT telah mengurniakan kepada hamba-hamba-Nya akal untuk menilai baik dan buruk dalam membuat pertimbangan.

Itulah *sunnatullah* yang telah ditetapkan Allah SWT kepada hamba-Nya. Allah SWT telah menyediakan kepada mereka dorongan akal kebijaksanaan dan hikmah serta hawa nafsu dan kejahatan. Justeru, mereka mampu untuk membuat pilihan dan keputusan di atas dorongan-dorongan tadi. Ini juga telah dijelaskan di dalam firman Allah SWT di dalam al-Quran, al-Balad [90]: 8-10):

﴿الْمَن جَعَل لَّهُ عَيْنَيْن ۙ ۸ وَلِسَانًا وَشَفَتَيْن ۙ ۹ وَهَدِيَّةً لِّلْجَدِيدِينَ ۙ ۱۰﴾

Maksudnya:

(Mengapa manusia terpedaya dan bermegah-megah?) Tidakkah Kami telah menjadikan baginya: dua mata (untuk ia memerhatikan kekuasaan dan kekayaan Kami? Dan lidah serta dua bibir (untuk ia menyempurnakan sebahagian besar dari hajat-hajatnya)? Dan Kami telah menunjukkan kepadanya dua jalan, (jalan kebaikan untuk dijalaninya, dan jalan kejahatan untuk dijauhi)?

Begitu juga dalam surah al-Shams [91] : 7-10, Allah SWT berfirman:

﴿وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ۙ ۷ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ۙ ۸ قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا ۙ ۹ وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّاهَا ۙ ۱۰﴾

Maksudnya:

Demi jiwa dan penyempurnaan (ciptaannya), maka Allah SWT mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya, sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan jiwa itu, dan sesungguhnya merugilah orang yang mengotorinya.

Melalui pesanan-pesanan di dalam ayat di atas manusia hendaklah melakukan perintah dan larangan Allah SWT dengan penuh usaha dan mujahadah disertai galakan mendapat ganjaran daripada-Nya. Kesungguhan di dalam menghadapi pertembungan dan berusaha memastikan berada dalam ketaatan kepada Allah SWT akan menjadikan diri sebagai hamba yang beriltizam dan boleh mencapai kedudukan yang lebih tinggi. Justeru, jalan seseorang ingin mendapatkan keredhaan Allah SWT akan sentiasa diliputi dengan dorongan-dorongan dan kehendak-kehendak serta hambatan-hambatan. Oleh itu, tugas manusia adalah mengarahkan kehendaknya untuk membuat pertimbangan yang betul dan mampu memikul kesusahan yang bakal dihadapi.

Umat Islam tidak boleh sama sekali menidakkan kehendak dan kemampuan dalam memilih dan membuat keputusan, walaupun pasti-ada cabaran dan kesusahan yang akan dihadapi. Namun begitu, tanggungjawab seseorang untuk memilih itu terangkat apabila seseorang itu berhadapan dengan ujian yang sangat berat, contohnya perbuatan yang boleh memberi mudarat kepada nyawanya. Ini telah berlaku kepada sahabat Nabi SAW, ‘Ammār ibn Yasīr yang terpaksa mengungkap kalimah kufur kerana berhadapan penyeksaan dan kematian.

Menurut Ibnu Qayyim di dalam kitabnya *Shifa' al- Alil* menjelaskan perbincangan berkaitan manusia dipaksa dan diberi kebebasan merupakan persoalan penting yang diperdebatkan oleh ilmuan Islam. Pelbagai umat di sepanjang zaman membincangkan perkara ini dan muncul

kumpulan-kumpulan yang berpegang dengan pendapat mereka dan tidak mengakui kebenaran pendapat orang lain sehingga membawa kepada kekufuran yang menjauhkan mereka dari petunjuk. . Oleh itu, diketengahkan pandangan al-Būṭī dari sudut perspektif akidah dalam merungkai permasalahan-permasalahan yang berlaku dalam dunia Islam dan menjawab kekeliruan yang berlaku menggunakan pendekatan yang boleh diterima oleh semua lapisan masyarakat.

Kesimpulannya, persoalan mengenai perbuatan manusia dipaksa atau diberi kebebasan hendaklah dilihat dalam perspektif pembahagian jenis perbuatan yang dijelaskan daripada awal. Jika tidak difahami dengan sebaiknya, ia akan menimbulkan keraguan di dalam diri dan membawa kepada kefahaman yang celaru. Itulah serba sedikit kupasan yang telah dibawa oleh al-Būṭī di dalam bukunya ketika menjelaskan persoalan manusia dipaksa atau diberi kebebasan yang menjadi teras dalam akidah seseorang muslim.

Akhir sekali, buku ini membuka minda pembaca untuk menekuni persoalan- persoalan akidah yang timbul seperti keadilan dan hikmah Allah SWT , kebebasan manusia dalam memilih dan undang-undang hidayah dan kesesatan. Metodologi yang dibawa menyentuh aspek hujah berdasarkan logik akal dan kefahaman nas-nas dari Al Quran dan hadis mampu membantu memberi kefahaman yang sebenar kepada Umat Islam.

**Maryam binti Mohd Din,
Abur Hamdi Usman,
Norsaleha Mohd Salleh**
Universiti Islam Selangor